

Berita Harian '5 jun 78.

Mahathir jadi ketua UMNO Negeri Perak, dialu2kan

TAIPING, Ahad — Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Matang mengalu-ngalukan perantikan Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed menjadi ketua Perhubungan UMNO Negeri Perak.

Ini diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa pergerakan itu di pejabat UMNO bahagian di Changkat Jerling, tujuh batu dari sini kelmarin.

Ketua penerangan merangkap naib ketua Pemuda bahagian itu, Enck Ahmad Masie bin Haji Shahim memberitahu pergerakannya sentiasa memberi kerjasama dan sokongan terhdap pimpinan Dato Seri Dr. Mahathir.

Beliau berharap UMNO Negeri Perak terus berkembang maju di bawah pimpinannya.